



# KESIHATAN MULUT

## Pengguna Pendakap Gigi

**B**erdasarkan kajian yang dilakukan oleh negara Barat, senyuman dan gigi adalah antara objek pertama yang dilihat pada muka seseorang. Senyuman yang menawan bukan hanya bermaksudkan wajah yang tampan atau cantik, tetapi memiliki barisan gigi yang tersusun rapi dan bersih.

Gigi yang tidak tersusun rapi atau tidak teratur dapat diluruskan menerusi rawatan pendakap gigi di klinik pakar, sama ada kerajaan atau swasta. Gigi kekal ini perlu dijaga rapi berdasarkan norma dan penjagaan yang disyorkan oleh pakar, sama ada pergigian yang berpengetahuan dan berpengalaman supaya kekal lama dan berfungsi dengan baikny.

Rawatan pendakap gigi ialah sejenis rawatan ortodontik (orto + dontik = meluruskan gigi) untuk membetulkan masalah gigi bertindih, berlapis, terpusing, terkeluar dan mencucuk bibir atau jolang, agar mendapat susunan gigi yang lebih teratur dan mudah dijaga.

Masalah gigi yang tidak teratur dikenali sebagai maloklusi. Kata maloklusi berasal daripada bahasa Greek dan mula diperkenalkan oleh Edward Angle, bapa ortodontik moden, yang bermaksud deviasi daripada oklusi yang normal. Oklusi ini merujuk keadaan gigi atas dan gigi bawah apabila rahang atas dan rahang bawah dirapatkan (mal + oklusi = oklusi yang salah).

Komponen pendakap gigi terdiri daripada beberapa bahagian, seperti braket, dawai dan komponen lain. Braket ialah komponen pendakap gigi yang diletakkan secara tepat dan ideal pada gigi, dan kekal sepanjang rawatan dilakukan. Braket dipasang untuk memegang dawai ortodontik,

seterusnya membantu gerakan gigi. Peletakan braket pada kedudukan yang salah menyebabkan gerakan gigi tidak terkawal.

Dawai ortodontik ialah satu daripada komponen penting bagi pendakap gigi. Ada pelbagai jenis saiz dawai khas ini, yang digunakan untuk menghasilkan tekanan yang menggerakkan gigi ke tempat yang dikehendaki. Sepanjang rawatan dilakukan, dawai khas ini perlu ditukar daripada dawai yang paling lembut sehinggalah dawai yang paling utuh dan keras.

Komponen tambahan lain ialah modul elastik yang berwarna-warni, *molar band* yang diletakkan pada gigi geraham besar, rantai elastik untuk menggerakkan gigi dan skru ortodontik yang diletakkan secara terus ke dalam tulang rahang, berdasarkan keperluan pesakit.

Tempoh rawatan berkait rapat dengan kerumitan masalah susunan gigi dan kerjasama pesakit. Purata tempoh rawatan lebih kurang antara tiga tahun hingga empat tahun. Jika pesakit selalu tidak menghadiri rawatan susulan setiap enam minggu hingga lapan minggu dan tidak mematuhi arahan pakar pergigian dengan baikny, mungkin tempoh rawatan melebihi tempoh yang sepatutny.


Rawatan pendakap gigi dapat dipertimbangkan sebaik-baik sahaja masalah susunan gigi, dikesan.

Jika masalah gigi yang terpusing, bertindih, berlapis atau gigi jolang dialami, pesakit perlu pergi ke klinik pergigian berhampiran untuk menjalani pemeriksaan lanjut. Setelah itu, doktor gigi merujuk pesakit kepada pakar pergigian ortodontik untuk menjalani pemeriksaan dan rawatan susulan.

Masalah gigi tidak teratur dapat berlaku disebabkan oleh beberapa faktor. Saiz gigi dan tulang rahang yang tidak seimbang adalah antara faktor yang kerap terjadi. Saiz gigi yang besar berbanding dengan saiz rahang yang kecil menyebabkan gigi berlapis. Saiz

gigi yang kecil berbanding dengan saiz rahang yang besar pula menyebabkan gigi jarang-jarang.

Kehilangan awal gigi susu atau gigi kekal yang disebabkan oleh gigi yang rosak dan bertubang juga punca yang menyebabkan gigi tidak teratur. Hal ini dikatakan demikian kerana gigi susu bertindak sebagai panduan pertumbuhan bagi gigi kekal. Apabila dicabut awal, gigi kekal tumbuh pada tempat yang tidak sepatutny, lalu menyebabkan gigi tidak tersusun. Faktor lain, seperti keturunan (genetik) dan tabiat menghisap jari, boleh menyebabkan gigi jolang.



Pengguna pendakap gigi perlu memberus gigi dan menjaga kebersihan mulut dengan lebih teliti. Pendakap gigi ini umpama gerabak kereta api yang sarat dengan muatan dan penumpang. Sisa makanan mudah tersangkut dan terlekat pada celah dawai ortodontik, braket dan gigi. Oleh sebab itu, pengguna alat ini perlu memberus gigi dengan telitiny, serta dilakukan secara menyeluruh dan berkesan untuk menjamin kesihatan mulut.

Bagi orang yang tidak memakai pendakap-gigi, gigi perlu diberus sekurang-kurangnya dalam tempoh dua minit. Bagi orang yang memakai pendakap gigi, tempohnya lebih lama. Aktiviti memberus gigi perlu dilakukan di hadapan cermin muka supaya ruang antara gigi dengan pendakap gigi yang perlu diberikan perhatian untuk dibersihkan dapat dilihat dengan lebih jelas.

Gigi diberus sekurang-kurangnya dua kali sehari atau setiap kali selepas makan dengan menggunakan ubat gigi berfluorida. Berdasarkan kajian, fluorida dapat membantu menguatkan gigi dan mencegah kerosakan gigi. Pengguna pendakap gigi lebih berisiko untuk mengalami kerosakan gigi berbanding dengan pengguna yang tidak memakai pendakap gigi.

Penggunaan berus gigi berbulu lembut dan berkepala tirus pada

hujungnya, disarankan untuk memastikan gigi dibersihkan sehingga gigi belakang. Berus gigi diletakkan pada sudut 45° pada pangkal pertemuan antara gigi dengan gusi, seterusnya gigi diberus dengan tekanan dan pemberusan yang lembut, sekurang-kurangnya 10 berusan pada suatu kawasan. Gigi dipastikan diberus pada setiap permukaan gigi, iaitu pada permukaan luar, dalam, kiri dan kanan, termasuklah permukaan mengunyah.

Pendakap gigi juga perlu diberus. Pendakap gigi diberus secara perlahan-lahan. Berus gigi dipastikan masuk ke celah gigi dan pendakap gigi. Kawasan belakang dawai ortodontik dan keliling braket, terutamanya yang berdekatan dengan gusi, juga perlu dibersihkan.

Berus gigi tambahan perlu digunakan untuk menjaga kebersihan mulut ketika memakai pendakap gigi. Berus gigi tambahan yang dimaksudkan ialah berus gigi kecil atau dikenali sebagai berus antara gigi. Berus ini digunakan khusus untuk membersihkan celah gigi dan dawai ortodontik dengan lebih berkesan. Setiap celahan gigi dan pendakap dipastikan dibersihkan dengan menggunakan berus gigi ini.

Selain itu, flos super juga digunakan sekurang-kurangnya sekali sehari bagi tujuan ini. Pemberusan dilakukan secara lembut, tetapi menyeluruh dan berkesan untuk memastikan gigi bersih tanpa

merosakkan gusi, gigi dan pendakap gigi.

Amalan berkumur selepas memberus gigi perlu dielakkan. Jika ingin berkumur, air yang sedikit digunakan dan dilakukan sekali sahaja. Hal ini untuk memastikan partikel fluorida di dalam ubat gigi mendap pada permukaan gigi dalam jumlah yang maksimum dan memberikan manfaat yang maksimum kepada gigi. Selain itu, ubat kumur boleh digunakan jika disarankan oleh doktor gigi.

Ada pengguna pendakap gigi yang berasa bahawa penjagaan gigi dan gusi suatu yang sukar dan melecehkan pada peringkat awal pemakaiannya. Namun begitu, pengguna perlu berusaha dan tidak cepat putus asa. Lama-kelamaan, pengguna menjadi biasa dan cekap ketika melakukannya.

Jika penjagaan kesihatan mulut diabaikan, kesan sampingan, seperti gigi berlubang, gusi berdarah dan gigi relaps, iaitu gigi kembali tidak teratur, boleh dialami.

Gigi berpotensi untuk rosak disebabkan oleh pengumpulan sisa makanan di celah gigi dan pendakap gigi. Sisa makanan ini mengandungi berjuta-juta kuman yang menghasilkan asid. Asid yang dihasilkan ini melemahkan struktur gigi yang kuat, lalu menghasilkan lubang atau kaviti.

Di samping itu, asid ini juga boleh menyebabkan gusi membengkak dan berdarah. Dalam keadaan yang serius, gusi yang membengkak melemahkan struktur tulang yang menyokong gigi, akhirnya gigi bergoyang.

Arahan penjagaan pendakap gigi yang diberikan oleh pakar pergigian ortodontik perlu dipatuhi dengan baiknyanya. Jika arahan tidak dipatuhi, dawai ortodontik boleh membengkak atau patah, lalu mencucuk pipi. Braket juga mungkin menjadi longgar dan perlu digam semula.

Bagi mengelakkan kesan buruk ini, makanan yang keras, seperti keropok dan kekacang, makanan yang melekit, seperti dodol dan gula-gula getah, perlu dihindari. Pengguna ini juga perlu mengelak daripada meminum minuman berkarbonat dan menghentikan tabiat buruk, seperti menghisap jari dan menggigit kuku.

Ada dua jenis pendakap gigi tiruan. *Fake braces* ialah pendakap gigi tiruan yang menggunakan bahan tertentu,

Peralatan yang digunakan oleh doktor gigi palsu ini tidak dibasmi kuman seperti yang dilakukan di klinik. Oleh sebab itu, risiko penularan penyakit berjangkit, amat tinggi.

seperti klip kertas dan getah rambut, untuk menyerupai pendakap gigi tulen. Bahan ini dipasang ke dalam mulut dengan cara menyangkutkan wayar di celah gigi sahaja tanpa menggunakan gam.

*Real braces* pula ialah pendakap gigi tiruan yang menggunakan komponen pendakap gigi yang seakan-akan tulen. Komponen ini dilekatkan pada gigi dengan menggunakan gam. Kedua-dua jenis pendakap gigi tiruan ini dijual dan dipasang oleh orang yang menyamar sebagai doktor gigi.

Banyak masyarakat yang tertarik oleh rawatan pergigian, termasuklah pendakap gigi tiruan, yang ditawarkan pada harga yang murah, tanpa menyedari bahawa individu yang memasangnyanya bukan doktor yang

bertauliah dan diiktiraf. Ada yang menganggap bahawa pendakap gigi ini suatu fesyen dan simbol ketinggian status, seterusnya sanggup mengambil jalan mudah, iaitu memakai pendakap gigi tiruan.

Rawatan ini tidak dilakukan di klinik, tetapi di rumah atau hotel, termasuklah rumah tumpangan atau inap desa. Peralatan yang digunakan oleh doktor gigi palsu ini tidak dibasmi kuman seperti yang dilakukan di klinik. Oleh sebab itu, risiko penularan penyakit berjangkit, amat tinggi. Komponen pendakap gigi tiruan yang digunakan juga dikuatiri mempunyai kandungan plumbum yang tinggi dan berisiko tinggi untuk menyebabkan kanser.

Oleh sebab pendakap gigi tiruan ini dipasang oleh doktor gigi palsu, akibat dan kesan buruk daripada rawatan pendakap gigi ini tidak diambil kira. Ada kes pengguna pendakap gigi tiruan yang menghadapi masalah gusi yang teruk sehingga menyebabkan semua giginya longgar dan perlu dicabut.

Selain itu, ada juga kes kebersihan mulut yang tidak terjaga, sakit kerana dawai tercucuk gusi, mulut berbau busuk dan kebanyakan gigi bertubang dan rosak teruk. Kesan buruk ini berlaku disebabkan oleh sikap terburu-buru segelintir individu untuk memasang pendakap gigi tiruan dengan harga yang murah hanya kerana gaya dan status.

Oleh hal yang demikian, pemeriksaan dan rawatan gigi oleh doktor yang bertauliah, sama ada di klinik pergigian kerajaan atau swasta, amat penting untuk mendapatkan kualiti penjagaan gigi yang terbaik. Jika rawatan pendakap gigi diperlukan, pengguna dirujuk kepada pakar pergigian ortodontik untuk menerima rawatan selanjutnya.

Rawatan pendakap gigi hanya boleh didapati daripada pakar pergigian yang berkelayakan. Bagi mengetahui, sama ada perawat yang memasang pendakap gigi ialah pakar pergigian ortodontik atau tidak, pengguna boleh menyemaknya di laman web [www.mao.org.my](http://www.mao.org.my)

Penulis Pertama Pakar Pergigian (Ortodontik), Klinik Pergigian Taiping, Perak, dan Penulis Kedua Pakar Pergigian (Kesihatan Awam) dan Pensyarah, Kuliah Pergigian, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kuantan, Pahang.